

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 28 MAC 2018 (RABU)**

**RUJUKAN : 10615**

**SOALAN :**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah bilangan kanak-kanak yang tidak berwarganegara memohon kerakyatan Malaysia dan yang telah diluluskan setakat ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**JPN telah menerima sebanyak 42,510 permohonan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur 21 tahun dan ke bawah dari tahun 2013 hingga 2017. Dalam tempoh yang sama, seramai 4,735 individu berumur bawah 21 tahun telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.**